

Menang sebahagian besar kerusi Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2018

# Pro-Aspirasi kuasai 7 universiti

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**KUALA LUMPUR** – Kumpulan Pro-Aspirasi (Pro-A) mendapat sokongan besar dalam kalangan mahasiswa apabila menguasai sebahagian besar kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di tujuh buah universiti awam seluruh negara sejak 26 September lalu.

Berdasarkan keputusan Pilihan Raya Kampus (PRK) yang diadakan baru-baru ini, kumpulan Pro-A menguasai hampir 93 peratus kerusi berbanding kumpulan Pro-Mahasiswa (Pro-M) di tujuh institusi itu.

Di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak sebanyak 27 kerusi berjaya ditawan oleh Pro-A berbanding dua kerusi dimiliki oleh Pro-M.

Kumpulan Pro-A terus melebarkan penguasaan di Universiti Malaya (UM) apabila mengungguli 29 kerusi manakala Pro-M memperoleh 11 kerusi sahaja.

Sementara itu, di Univer-



PELAJAR Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah memilih wakil 37 wakil Pro-A dalam Pilihan Raya Kampus baru-baru ini. – Gambar hiasan

siti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, kumpulan Pro-A melakar sejarah tersendiri apabila menguasai keseluruhan keputusan PRK menerusi 30 kerusi yang dipertandingkan.

Sebanyak 38 kerusi dimenangi oleh Pro-A dan hanya satu kerusi berjaya diraih oleh Pro-M di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kumpulan Pro-A juga menguasai keseluruhan 48 kerusi di Universiti Teknologi Mara.

Dalam pada itu, Pengarah Gerakan Penggerak Mahasiswa








UM, Hazwan Syafiq berkata, Penggerak Mahasiswa (PM) diumumkan memenangi majoriti 29 daripada 40 kerusi yang dipertandingkan pada pemilihan MPP UM bagi sesi 2017/2018.

“Calon PM menang di lima kerusi Umum dan 24 kerusi Fakulti termasuk 10 kerusi menang tanpa bertanding.

“Keseluruhannya, enam kumpulan bertanding pada pemilihan MPP UM kali ini melibatkan 40 kerusi iaitu 32 bagi Fakulti dan lapang untuk Umum,” katanya ke-

INFO

## Pilihan Raya Kampus Universiti Awam

	Pro-Aspirasi	Pro-Mahasiswa
 Universiti Pendidikan Sultan Idris	27	2
 Universiti Sultan Zainal Abidin	30	0
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	30	4
 Universiti Teknologi Mara	48	0
 Universiti Kebangsaan Malaysia	38	1
 Universiti Utara Malaysia	37	1
 Universiti Malaya	29	11

tika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Pegawai Perhubungan Media Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM), Roslan Rusly berkata, UIAM masih dalam persediaan untuk mengadakan PRK tidak lama lagi.